

19 FEB 1999

MAHATHIR-BANGLADESH

BANGLADESH MENANTI KEHADIRAN MAHATHIR DI SIDANG KEMUNCAK KEDUA D-8

Oleh: Shafiqul Bashar

DHAKA, 19 Feb (Bernama) -- Sambutan hangat dan mesra menanti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau tiba di Bangladesh untuk menghadiri sidang kemuncak kedua kumpulan lapan negara Islam membangun (D-8) yang dijadualkan akan diadakan di sini pada 1 dan 2 Mac ini.

"Kerajaan dan rakyat negara ini menanti dengan penuh bersemangat untuk mengalu-alukan Dr Mahathir, rakan rapat Bangladesh," kata Menteri Luar Bangladesh Abdus Samad Azad.

Ini adalah lawatan ketiga Dr Mahathir ke Bangladesh. Sebelum ini, beliau telah mengadakan dua lawatan rasmi, pada 1983 dan 1993.

Abdus Samad memberitahu Bernama dalam satu temuramah di sini hari ini bahawa Dr Mahathir adalah personaliti yang amat dihormati di negara ini, terutamanya kerana kemesraan dan sifat kekeluargaan beliau terhadap rakyat Bangladesh.

Contohnya, beliau berkata Perdana menteri memberi reaksi positif apabila Dhaka meminta beliau menimbang kedudukan pekerja Bangladesh yang tinggal di Malaysia tanpa permit sah.

"Beliau agak bersimpati dan 150,000 pekerja Bangladesh yang dahulunya pekerja haram di Malaysia telah dihalalkan pada 1996," katanya.

D-8 yang ditubuhkan pada 15 Jun 1997 di sidang kemuncak pertama di Istanbul, bermatlamat untuk memperbaiki kedudukan negara-negara Islam membangun dalam ekonomi dunia dan juga mempelbagai dan mengadakan peluang-peluang baru dalam hubungan perdagangan.

Abdus Samad juga berkata Dhaka dan Kuala Lumpur mempunyai kerjasama perdagangan dan pelaburan dua hala yang erat dan masih ada ruang untuk diperluaskan.

Beliau berkata sejumlah usahawan Malaysia telah melabur di Bangladesh, dan berharap ramai lagi akan datang.

Sementara itu, persiapan bagi sidang kemuncak D-8 hampir selesai dan Dhaka kini bersedia untuk menyambut para pemimpin dan pegawai blok lapan negara Islam yang dilancarkan di Istanbul.

Peningkatan kerjasama dalam bidang yang berbeza adalah tujuan utama penubuhan blok baru yang terdiri dari Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki.

Jurucakap Kementerian Luar di sini berkata empat ketua negara dan kerajaan telah mengesahkan kehadiran mereka ke sidang kemuncak D-8, termasuk Dr Mahathir.

Yang lain adalah Presiden B J Habibie dari Indonesia, Perdana Menteri Nawaz Sharif dari Pakistan dan Presiden Suleyman Demirel dari Turki.

Naib Presiden Pertama Iran Dr Hassan Habibi akan mewakili negaranya di sidang kemuncak ini sementara menteri luar dari Mesir dan Nigeria dijangka akan mengetuai delegasi negara masing-masing.

Ketua-kedua negara dan kerajaan akan mula tiba di Dhaka dari 28 Feb.

Sidang kemuncak pada 1-2 Mac akan didahului oleh mesyuarat Majlis Menteri (menteri luar negara anggota) dan mesyuarat Pesuruhjaya-Pesuruhjaya (pegawai-pegawai kanan).

Mesyuarat Pesuruhjaya selama dua hari akan diadakan pada 25 dan 26 Feb.

Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina Wajed akan merasmikan sidang kemuncak pada 1 Mac di pusat konvensyen yang baru di bina di Hotel Dhaka Sheraton.

Persidangan ini akan diakhiri dengan penerimaan Deklarasi Dhaka pada 2

Mac.

-- BERNAMA
SB JR